

07/04/1999

Tindakan terhadap Rahim (HL)

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Suruhanjaya Siasatan Diraja mencadangkan supaya tindakan diambil ke atas seorang pegawai polis berhubung kes kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan pada September tahun lalu.

Cadangan itu terkandung dalam laporan yang diserahkan suruhanjaya berkenaan kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, di Istana Negara di sini, hari ini.

Pengerusinya, Tan Sri Anuar Zainal, berkata cadangan itu dibuat berdasarkan bukti yang diberi sepanjang siasatan suruhanjaya berkenaan bermula 22 Februari hingga 4 Mac lalu.

Beliau bagaimanapun enggan memberitahu identiti pegawai terbabit, sebaliknya berkata: "Hanya seorang dinamakan dan kamu tahu siapa dia."

Walaupun Anuar tidak merujuk Tan Sri Abdul Rahim Noor, bekas Ketua Polis Negara itu ketika disiasat suruhanjaya berkenaan mengaku menampar Anwar di bilik tahanan Bukit Aman pada malam 20 September 1998 kerana mendakwa Anwar mencemuhnya dengan panggilan 'Bapak Anjing'.

Beberapa saksi juga mengesahkan melihat Abdul Rahim memasuki bilik tahanan itu dan mendengar suara orang kesakitan.

Ditanya sama ada pegawai terbabit akan dikenakan tuduhan jenayah, Anuar berkata, "Ya" tanpa menjelaskan seksyen yang akan digunakan.

"Saya tidak boleh kata kerana tidak wajar bagi saya dan laporan sudah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong. Kamu tanya kerajaan, kerajaan akan menyatakannya," katanya kepada pemberita selepas menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi menyerahkan laporan hasil siasatan itu.

Dua laporan diserahkan, iaitu nota keterangan setebal 404 halaman serta laporan dan cadangan setebal 92 muka surat.

Anggota lain suruhanjaya itu turut hadir. Mereka ialah bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mahadev Shankar; pakar bedah ortopedik, Datuk Dr Yeoh Poh Hong dan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman selaku ketua penyiasat serta setiausaha suruhanjaya, Datuk Ismail Hamzah.

Suruhanjaya itu yang ditubuhkan mengikut Akta Suruhanjaya 1950, memulakan siasatan pada 22 Februari hingga 4 Mac lalu dan mendengar keterangan 21 saksi termasuk Anwar.

Mengulas lanjut cadangan itu, Anuar berkata, suruhanjaya berkenaan hanya mengemukakan satu cadangan.

"Kami mencadangkan tindakan diambil ke atasnya," katanya tanpa mengulas lanjut.

Abu Talib pula berkata, suruhanjaya berkenaan sudah menyiapkan tugasnya dan Yang di-Pertuan Agong akan memaklumkan kepada kerajaan mengenai laporan yang sudah diserahkan itu.

"Selepas itu, kerajaan akan menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai bentuk tindakan yang patut diambil, khususnya menerima cadangan itu atau tidak," katanya.

Ditanya sama ada laporan itu akan diumumkan, Abu Talib berkata, terpulang kepada Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat kerajaan.

"Itu terpulang kepada kerajaan menentukannya. Suruhanjaya tidak berkuasa menentukan sama ada laporan itu diumumkan atau sebaliknya.

"Tugas suruhanjaya adalah menyiasat dan membuat keputusan dan selepas itu mengemukakan cadangan kepada Tuanku Ja'afar dan ini disempurnakan pagi ini," katanya.

Abu Talib juga berkata, Tuanku Ja'afar berpuas hati dengan penyiasatan yang dilakukan suruhanjaya itu.

Ditanya sama ada laporan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata: "Baru ini diserahkan kepada Tuanku (Ja'afar)."

Mengenai kemungkinan laporan itu diserahkan kepada pejabat Peguam Negara, Abu Talib berkata, terpulang kepada kerajaan untuk menimbangkannya.

Menjawab soalan adakah suruhanjaya itu akan dibubar, beliau berkata: "Kami sudah tidak ada tugas lagi."

Sementara itu, Ismail dalam kenyataan yang diedarkan hari ini, berkata suruhanjaya berkenaan ditugaskan menyiasat dan mengkaji kecederaan Anwar sewaktu dalam tahanan polis bagi menentukan sebab dan siapa yang bertanggungjawab serta bersubahat dalam kes itu, di samping memperakukan tindakan sewajarnya.

Bagaimanapun, suruhanjaya itu tidak menjalankan penyiasatan ke atas operasi polis keseluruhannya.

"Suruhanjaya diarah apabila tamat siasatan, mengemukakan laporan kepada Yang di-Pertuan Agong," katanya.

(END)